

# Ateisme dalam Wacana Ilmu Kalam

## *Atheism in the Discourse of Kalam*

WAN HASLAN KHAIRUDDIN<sup>1</sup>

### ABSTRACT

*Atheism, which is an ideology or belief that does not acknowledge the existence of God, is increasingly becoming a discourse among Malaysian society when there are Malay individuals who openly on social media profess to leave the religion, choose to be atheists or free thinkers. In the face of life in the era of globalization or today's borderless world, the early symptoms towards atheism such as skepticism, agnosticism, materialism, and atheism need to be given due attention in order to deal with it appropriately. This article will discuss Atheism in the discourse of Kalam (Ilm al-Kalam or Islamic scholastic theology). The writing of this article is based on a qualitative study with the application of content analysis methods to Islamic texts as well as primary sources in the literature of Kalam by scholars Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah (Al-Asha'irah and al-Maturidiyyah). The main issues discussed in this article are: [i] etymology, terminology and definition of atheism; [ii] atheism in the literature of the Islamic tradition; and [iii] issues and objections to atheism. In conclusion, 'Ilm al-Kalam is suitable for its purpose, which is to convict the Islamic faith (ithbat al-'aqa'id al-diniyyah) and reject any doubt (daf' al-shubah) is a medium such as in the face of confusion of thought whether a group that does not believe in the existence of god (atheism) or idolatrous groups (polytheism).*

**Keywords:** *Kalam, theology, atheism, polytheism, monotheism.*

Ilmu Kalam ialah penamaan sinonim bagi ilmu akidah, ilmu tauhid, ilmu usuluddin dan *al-fiqh al-akbar* yang mempunyai ciri-ciri umum dari sudut tema perbahasan iaitu kandungan *al-Shahadatayn* (Dua Kalimah Syahadah) dan penggunaan dalil-dalil akhiah serta naqliah dalam penghujahan. Ciri-ciri khususnya ialah pada sudut perincian perbahasan serta penghujahan yang bertujuan mensabitkan akidah Islam (*ithbat al-'aqa'id al-diniyyah*) dan menolak sebarang keraguan (*daf' al-shubah*) (Al-Iji n.d.: 7; al-Jurjani 1998, 1: 40; al-Taftazani 1998, 1: 163; Ibn Khaldun 2004: 205). Sesuai penamaannya, ilmu kalam mempunyai identiti iaitu diskusi-dialog-debat, metod defensif-ofensif, perbahasan metafizik-ma'quulat dan penentusahan (*tahqiq*) perkara-perkara syarak (*al-shar'iyyat*) (Al-Taftazani 1998, 1: 164-165). Al-Ghazali (1990: 39) menyifatkan ilmu kalam menjadi tanggungjawab kepada ilmuwan kalam (*al-mutakallimun*) untuk menguasainya dalam berdebat dengan orang kafir yang bertujuan menolak kesesatan dan bidaah serta menghilangkan syubhah.

Ilmu kalam menjadi pendekatan dalam diskusi-dialog-debat antara Sunni dengan ajaran menyeleweng dalam Islam (Wan Haslan Khairuddin 2022) dan Muslim dengan agama-agama lain (Wan Haslan Khairuddin et. al. 2020). Dengan pendekatan ilmu kalam, Ibn Abbas pernah diutuskan oleh Ali untuk berdebat dengan kelompok al-Khawarij. Ali serta al-Hassan berdebat dengan kelompok al-Qadariyyah dan Ibn Ma'ud berdebat dengan Yazid bin 'Umayrah. Para imam mazhab seperti Abu Hanifah pernah berdebat dengan kelompok al-Rafidah (Syiah), al-Khawarij, *al-Dahriyyah* (ateis) dan mengarang kitab *al-Fiqh al-Akbar*. Malik mengarang *Risalah fi al-Qadr* mengkritik fahaman Ibn Wahb. Al-Shafi'i pernah berdebat dengan Hafsa al-Fard seorang

---

<sup>1</sup>Wan Haslan Khairuddin, Ph. D., Senior Lecturer at the Research Centre for Theology and Philosophy, Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, MALAYSIA. Email: wanhaslan@ukm.edu.my.

Muktazilah. Ahmad menulis kitab mengkritik fahaman zindik, al-Qadariyyah dan sebagainya. Selain itu, al-Bukhari menulis *Khalq Af'al al-'Ibad* dan al-Tahawi menulis *al-'Aqidah al-Tahawiyyah* yang terkandung di dalamnya penafian fahaman ahli bidaah yang mengatakan Tuhan itu memiliki had, sudut dan tempat (al-Ghazali 1985: 95-98; al-Baghdadi 2001: 321-322; 'Amuh n.d.: 8-9). Usaha dan pendekatan metodologi ilmu kalam digunakan demi menjaga kesucian akidah Islam daripada kesesatan pemikiran ahli bidaah.

Ilmu kalam adalah piawaian terhadap isu-isu yang diwacanakan dalam kategori kepercayaan antara penganut agama Islam (*intrareligion* atau intra-Islam) dan kepercayaan antara penganut agama-agama (*interreligions*) termasuk falsafah serta ideologi (Wan Haslan Khairuddin 2018: 90-107). Penulis dalam artikel *Kerangka Kajian Ajaran Sesat Menurut Ahli Sunah Waljamaah* (Wan Haslan khairuddin 2022) menjelaskan peranan ilmu kalam dalam wacana kepercayaan penganut agama Islam atau intra-Islam (*al-Firaq al-Islamiyyah*) dan dalam artikel *Ilmu Kajian Agama-agama dalam Tradisi Islam* (Wan Haslan Khairuddin et. al 2020) dijelaskan peranan Ilmu Kalam dalam wacana kepercayaan antara penganut agama-agama serta ideologi-ideologi (*Al-Milal wa al-Nihal*). Artikel ini merupakan usaha penulis dalam menjelaskan wacana ateisme dalam Ilmu Kalam dengan perbincangan serta perbincangan sub-sub tajuknya iaitu etimologi, terminologi dan definisi ateisme; ateisme dalam literatur tradisi Islam; dan isu-isu dan sanggahan terhadap ateisme.

### Etimologi, Terminologi dan Definisi Ateisme

Ateisme menurut Kamus Dewan (2007: 88) bermaksud fahaman atau kepercayaan yang tidak mengakui kewujudan Tuhan. Istilah ateis atau *atheis* berasal daripada perkataan Greek *a-* 'tiada' dan *theos* 'tuhan' yang memberi maksud tiada tuhan (The Cambridge Dictionary of Philosophy 2015: 68). Ateisme dibezakan antara teoretikal dengan praktikal. Secara teoretikal, si ateis secara sedar menafikan kewujudan Tuhan Yang Maha Agung (*A Supreme Being*). Secara praktikal, si ateis mungkin percaya Tuhan Yang Maha Agung wujud namun hidup seolah-olah tidak bertuhan (*forgetfulness of God, godlessness*) atau tidak mempedulikan tanggungjawab terhadap Tuhan (Warfield 1908: 346; the Oxford English Dictionary 1989: 745; the Cambridge Dictionary of Philosophy 2015: 68). Kenyataan 'hidup seolah-olah tidak bertuhan atau tidak mempedulikan tanggungjawab terhadap Tuhan' memperlihatkan kaitannya dengan ideologi liberalisme dan sekularisme. Liberalisme atau perkataan liberal memberi maksud bersifat atau berpandangan bebas, berpandangan terbuka, tidak terkongkong kepada sesuatu aliran pemikiran dan sebagainya (Kamus Dewan 2007: 303). Khalif Muammar (2018: 12) merumuskan mafhum liberalisme sebagai suatu kepercayaan, falsafah hidup dan gerakan yang meletakkan idea kebebasan sebagai prinsip tertinggi dan dominan dalam usaha untuk membebaskan manusia daripada sebarang kawalan moral dan menggantikan peranan agama dalam mengatur kehidupan individu dan masyarakat.

Dalam Bahasa Arab, istilah ateisme sinonim dengan istilah *tabi'iyah, madiyyah, dahriyyah*, zindik, *la diniyyah* dan mulhid. Perkataan *dahri, dahriah* atau *al-dahriyyah* ialah kelompok yang mempercayai bahawa alam ini sedia wujud tanpa pencipta (Kamus Dewan 2007: 303) atau mulhid yang menganggap Tuhan itu tiada (Kamus Dewan 2007: 1052) dan tidak beriman dengan hari akhirat (Al-Mu'jam al-'Arabi al-Asasi 2003: 466). Dalam al-Quran, *al-Jathiyah* 45: 24 dijelaskan fahaman *al-dahriyyah* dengan pernyataan: "*Kita mati dan kita hidup (silih berganti); dan tiadalah yang membinasakan kita melainkan edaran zaman.*". *Al-dahriyyah* disebutkan sebagai kelompok materialis yang muncul di zaman al-'Abbasiyyah yang mengatakan qidam masa atau zaman (*al-dahr*), alam wujud dengan sendirinya (natural) dan mengingkari setiap sesuatu yang tidak dapat ditanggapi pancaindera (al-Mu'jam al-'Arabi al-Asasi 2003: 466). Istilah *al-dahriyyah* sinonim dalam bahasa Melayu dengan materialisme iaitu fahaman atau falsafah yang mempercayai bahawa hanya benda yang merupakan penyebab adanya dan terjadinya segala sesuatu dalam dunia ini (Kamus Dewan 2007: 1007).

Perkataan zindik, *zindiq, zanadiq, zanadiqah* sinonim dengan munafik iaitu orang yang pada zahirnya mengaku keesaan Tuhan dan kerasulan Muhammad tetapi sebenarnya tidak beriman atau orang yang amalan dan hatinya bertentangan dengan apa yang diperkatakannya

(Kamus Dewan 2007: 1054; al-Mu'jam al-'Arabi al-Asasi 2003: 587). Zindik menurut Kamus Dewan (2007: 1816) ialah orang yang imannya telah terpesong, orang yang sesat, tidak percaya akan agama Allah yang sebenarnya. Istilah *la diniyyah* secara literal bermaksud tidak beragama atau tidak mempercayai agama (Al-Mu'jam al-'Arabi al-Asasi 2003: 100, 475). Istilah mulhid dalam bahasa Arab berasal daripada perkataan *alhada, yulhidu, ilhada* yang bermaksud menyeleweng, memasukkan sesuatu yang bersalahan dan memfitnah ke atas kebenaran. Dalam al-Quran, *Fussilat* 41: 40 menjelaskan *ilhad* dengan maksud menyeleweng daripada jalan yang benar mengenai ayat-ayat keterangan al-Quran. Mulhid menurut *al-Mu'jam al-'Arabi al-Asasi* (2003: 1076) bermaksud pemfitnah kepada agama dan menyeleweng darinya.

Al-Ghazali (2015: 65) dalam *al-Munqidh min al-Dalal* menjelaskan *al-dahriyyun* dan *al-zanadiqah* sebagai kelompok yang tidak mempercayai Pencipta Yang Mentadbir, Yang Mengetahui dan Yang Berkuasa. Kelompok ini meyakini alam terjadi dengan sendirinya tanpa Pencipta. Haiwan (manusia dan binatang) tercipta daripada sperma, sperma daripada haiwan dan prosesnya begitu secara berterusan. *Al-Tabi'iyun* ialah kelompok yang meyakini kewujudan Tuhan namun tidak mempercayai hari akhirat. Mereka berpendapat bahawa upaya intelek (*al-quwwah al-'aqilah*) manusia dihasilkan struktur tubuhnya atau secara semula jadi (*mizaj*) bukan disebabkan sesuatu yang lain yang berada diluar tubuh. Mereka tidak mempercayai yang mati dapat dihidupkan semula, hari akhirat, hari perhitungan, syurga dan neraka.

Pendefinisian terhadap istilah ateisme bersama istilah-istilah berkaitan memperlihatkan beberapa gejala terhadapnya iaitu sikap skeptik, materialistik dan agnostik. Skeptis, skeptik, skeptikal bermaksud berasa waswas, kurang percaya dan ragu-ragu atau skeptisisme yang memberi maksud keraguan dan kesangsian (Kamus Dewan 2007: 1509). Istilah agnostik yang sinonim dalam bahasa Arab dengan istilah *tabi'iyah* (i.i. naturalisme) dan *madiyyah* (i.i. materialisme) memberi maksud orang yang berpendapat atau berpendirian bahawa hanya sesuatu yang berupa kebendaan sahaja yang boleh diketahui manakala pengetahuan tentang Tuhan dan segala yang abstrak tidak mungkin (Kamus Dewan 2007: 15; al-Mu'jam al-'Arabi al-Asasi 2003: 786, 1124). Istilah agnostik berasal daripada perkataan Greek *a-* 'tiada' dan *gnastos* 'pengetahuan' bermaksud tidak boleh diketahui. Perkataan *agnosticism* pertama kali digunakan oleh Thomas Henry Huxley pada tahun 1869 dengan dakwaan bahawa idea metafizik tidak boleh dibuktikan atau disangkal. Huxley menyatakan bahawa beliau tidak mengiyakan atau menafikan keabadian manusia kerana di sisinya tiada sebab untuk mempercayainya dan tiada kaedah menyangkalnya (The Cambridge Dictionary of Philosophy 2015: 17). Agnostik menurut *The Oxford English Dictionary* (1989) merujuk kepada seseorang yang berpendapat bahawa kewujudan apa-apa di luar serta di sebalik fenomena material tidak diketahui dan dinilai tidak dapat diketahui terutamanya sebab pertama (*A First Cause*) serta dunia ghaib. *The Oxford Dictionary of Current English* (1993: 16) menjelaskan agnostik sebagai individu yang meyakini bahawa kewujudan Tuhan tidak dapat dibuktikan.

Tuntasnya, ateisme melalui penjelasan istilah-istilah yang berkaitan di atas dapat dirumuskan sebagai fahaman kelompok materialis yang tidak mempercayai kewujudan Pencipta alam atau mempercayai alam wujud tanpa Pencipta, Tuhan tiada, tiada kepatuhan kepada Tuhan atau agama, tidak beragama atau tidak mempercayai agama, tidak memperakui keesaan Tuhan dan kerasulan Muhammad s.a.w., tidak mempercayai hari akhirat, menyeleweng daripada jalan yang benar dan pemfitnah kepada agama. Agnostisme dengan ateisme bertautan dan berkesinambungan namun berbeza secara literal. Penganut agnostisme bersikap skeptik, materialistik serta agnostik dengan kewujudan Tuhan dan penganut ateisme tidak memperakui kewujudan Tuhan secara teoretikal dan mengabaikan tanggungjawab terhadap Tuhan secara praktikal. Namun fenomena, gejala atau simptom ateisme saling berkait rapat bermula dengan sikap skeptik, materialistik, agnostik dan ateistik.

Istilah-istilah yang mempunyai kaitan dengan ateisme sebagaimana maksud asalnya menurut Kamus Dewan (2007) tanpa sebarang penyesuaian dengan sumber-sumber lain adalah seperti berikut:

Jadual I Istilah, Gejala dan Ideologi Berkaitan Ateisme

<i>Gejala berkaitan:</i>		<i>Ideologi berkaitan:</i>	
<b>skeptik</b>	skeptikal (sképtikal) waswas, kurang percaya, ragu-ragu (Kamus Dewan 2007: 1509)	<b>naturalisme</b>	aliran atau pandangan dalam seni dan sastera yang berusaha untuk menggambarkan sesuatu (manusia, objek dan sebagainya) dalam keadaan atau sifatnya yang sebenarnya (Kamus Dewan 2007: 1073)
<b>materialistik</b>	(matérialistik) berkaitan dengan kebendaan, bersifat kebendaan, mengutamakan (mementingkan) kebendaan (Kamus Dewan 2007: 1007)	<b>materialisme</b>	(matérialisme) fahaman atau falsafah yang mempercayai bahawa hanya bendalah yang menyebabkan adanya dan terjadinya segala sesuatu dalam dunia ini (Kamus Dewan 2007: 1007)
<b>agnostik</b>	orang yang berpendapat atau berpendirian bahawa hanya sesuatu yang berupa kebendaan sahaja yang boleh diketahui manakala pengetahuan tentang Tuhan dan segala yang abstrak tidak mungkin (Kamus Dewan 2007: 15)	<b>liberalisme</b>	fahaman yang liberal, fahaman atau pendirian yang mahukan demokrasi serta kebebasan dalam kegiatan ekonomi (Kamus Dewan 2007: 936)
<b>ateistik</b>	(atéistik) berpendirian (bersikap) tidak mengakui kewujudan Tuhan (Kamus Dewan 2007: 88)	<b>sekularisme</b>	(sékularisme) faham (doktrin, pendirian dan sebagainya) yang menolak nilai-nilai keagamaan dalam kehidupan sosial manusia (Kamus Dewan 2007: 1417)

### Ateisme dalam Literatur Tradisi Islam

Ilmuwan kalam atau *al-mutakallimun* dalam mewacanakan kepercayaan penganut agama (*intrareligion* atau intra-Islam) dan kepercayaan penganut agama-agama (*interreligions*) menulis empat kategori karya iaitu (Wan Haslan Khairuddin 2018: 104-144): [i] *Maqalah al-Khassah* iaitu karya, penulisan atau artikel khas dengan judul karya seperti *al-Radd 'ala al-Rafidhah* (Kritikan terhadap Syiah) (Al-Rissi 2000a), *al-Radd 'ala al-Nasara* (Kritikan terhadap Kristian) (Al-Rissi 2000b) dan *al-Radd 'ala al-Mulhidin* (Kritikan terhadap Kelompok Ateis) (Al-Rissi 2000c); [ii] *Maqalat al-Islamiyyin* iaitu artikel-artikel berkaitan kepercayaan penganut Islam seperti *Maqalat al-Islamiyyin wa Ikhilaf al-Musalliyyin* (1999) karya Abu al-Hassan al-Ash'ari (d.324H/935M); [iii] *Maqalat ghayr al-Islamiyyin* iaitu artikel-artikel berkaitan kepercayaan penganut agama-agama bukan Islam seperti karya al-Ash'ari yang tinggal dalam catatan sejarah (Ibn Taymiyyah 2006, 1: 191); dan [4] *Jumal al-Maqalat* iaitu himpunan artikel-artikel yang menghimpunkan kedua-dua subjek, skop dan fokus Ilmu Kalam seperti karya al-Ash'ari yang juga tinggal dalam catatan sejarah (Ibn 'Asakir 2014: 107) dan *al-Milal wa al-Nihal* (n.d.) karya Muhammad bin 'Abd al-Karim al-Shahrastani (d.548H/1153M).

Karya-karya dalam kategori pertama yang mewacanakan ateisme secara khusus ada dicatatkan Ibn al-Nadim (d.380H) dalam *al-Fihrist* (2009, 1: 201-693), *al-maqalah al-khamisah* (artikel ke-5) sebagaimana Jadual II.

Jadual II Karya-karya Ateisme Catatan Ibn al-Nadim

Bil.	Karya dan Pemilik	Kematian
1.	<i>Kitab al-Hujjah 'ala al-Mulhidin</i> karya Abu al-Hudhayl Muhammad bin al-Hudhayl al-'Allaf (Ibn al-Nadim 2009, 1: 566).	d.266H
2.	<i>Kitab al-Radd 'ala al-Mulhidin</i> karya Bishr al-Mu'tamir (Ibn al-Nadim 2009, 1: 569).	d.210H
3.	<i>Kitab al-Radd 'ala Asnaf al-Mulhidin</i> karya Abu Ishaq Ibrahim bin Sayyar bin Hani' al-Nazzam (Ibn al-Nadim 2009, 1: 571).	n.d.
4.	<i>Kitab al-Radd 'ala al-Dahriyyah</i> dan <i>Kitab al-Radd 'ala al-Mulhidah</i> karya Abu Bakr 'Abd al-Rahman bin Kaysan al-Asam (Ibn al-Nadim 2009, 1: 595).	d.200H
5.	<i>Kitab al-Radd 'ala Jami' al-Mulhidin</i> dan <i>Kitab al-Radd 'ala al-Mulhidin</i> sebanyak 6 jilid karya Dirar bin 'Amru (Ibn al-Nadim 2009, 1: 596-597).	n.d.
6.	<i>Kitab Jawab al-Mulhid al-Bahri alladhi Ta'ana 'ala Ahl al-Milal wa Qasada ila al-Islam</i> karya Humayd bin Sa'id (Ibn al-Nadim 2009, 1: 619).	n.d.
7.	<i>Kitab al-Radd 'ala Barghuth fi al-Musawat baynah wa bayn al-Mulhidin</i> karya Abu 'Affan al-Fariqi, 'Abd al-Rahman bin Muslim (Ibn al-Nadim 2009, 1: 620).	n.d.
8.	<i>Kitab al-Radd 'ala al-Mulhidin</i> karya Abu 'Abd Allah al-Husayn bin Muhammad bin 'Abd Allah al-Najjar (Ibn al-Nadim 2009, 1: 644).	n.d.
9.	<i>Kitab al-Radd 'ala al-Mulhidin</i> karya Al-Haytham bin al-Haytham (Ibn al-Nadim 2009, 1: 653).	n.d.

Kebanyakan karya di atas statusnya tidak diketahui sama ada masih wujud, dalam bentuk manuskrip atau hanya tinggal nama dalam catatan Ibn al-Nadim atau para penulis biografi yang lain. Antara karya silam berkaitan ateisme yang berjaya diperolehi penulis bertajuk *al-Dalil al-Kabir fi al-Radd 'ala al-Zanadiqah wa al-Mulhidin* bersamanya *al-Radd 'ala al-Mulhid wa Munazaratih* karya al-Qasim bin Ibrahim bin Isma'il al-Rissi yang disunting oleh Imam Hanafi 'Abd Allah, cetakan Dar al-Afaq al-'Arabiyyah tahun 2000M bersamaan 1420H yang mengandungi 109 halaman. Al-Rissi atau nama penuhnya al-Qasim bin Ibrahim bin Isma'il bin Ibrahim al-Hasani al-'Alawi al-Hasani al-Rissi, panggilan atau *kunyah* beliau adalah Abu Muhammad hidup sekitar tahun 169-246 Hijriah bersamaan 785-860M. Seorang fakih, ahli syair dan dianggap sebagai tokoh dalam aliran Syiah Zaydiyyah yang amat terkesan dengan pemikiran Muktazilah. Beliau dinyatakan sebagai pengasas mazhab fiqah al-Qasimiyyah. Hidup sezaman dengan khalifah 'Abbasiyyah iaitu Harun al-Rashid (170-193H/787-808M), al-Amin (193-198H/808-813), al-Ma'mun (198-218H/813-833) dan al-Mu'tasim (218-227/833-840M). Kehidupan al-Rissi adalah di sekitar Mesir, Hijaz, Yaman dan akhirnya beliau menetap sehingga meninggal dunia ketika berumur 77 tahun di pergunungan al-Riss. Tokoh ini memiliki beberapa karya lain antaranya: *Al-Radd 'ala al-Rafidah* (2000a), *al-Radd 'ala al-Nasara* (2000b), *al-Radd 'ala al-Mujbirah*, *al-Imamah*, *Tathbit al-Imamah*, *al-Usul al-Khamsah* dan *al-'Adl wa al-Tawhid* (Al-Rissi 2000b: 15-16).

Karya *al-Dalil al-Kabir fi al-Radd 'ala al-Zanadiqah wa al-Mulhidin* (2000) atau terjemahannya *'Bukti Agung dalam Kritikan terhadap Kelompok Zindik dan Ateis'* mewacanakan tajuk-tajuk berikut: kritikan terhadap ahli falsafah Greek; Allah amat bersalahan dengan segala makhluk; wajib *nazar* kepada makrifat Khaliq; mengapa Allah tidak digapai dengan indera dan jiwa; upaya-upaya jiwa; penelitian terhadap jiwa-jiwa dan gelandangan; dalil nutfah dan asal manusia; tanda-tanda (kewujudan) Allah dalam penciptaan cakerawala, lautan dan kandungannya; tanda-tanda (kewujudan) Allah dalam penciptaan langit dan bumi; dan Kami jadikan daripada air setiap benda hidup; tanda-tanda (kewujudan) Allah dalam penciptaan gunung-ganang; tanda dalam penciptaan gunung-ganang; tanda-tanda (kewujudan) Allah dalam penciptaan langit dan bintang; pengesahan dalil penciptaan; Ibrahim membuktikan kewujudan Allah; dalil perubahan dan peralihan; Nuh menyeru kaumnya kepada makrifat Allah dan menyembah-Nya; Yusuf membuktikan keesaan; pendalilan keesaan secara akliah dan naqliah; Musa membuktikan kewujudan dan keesaan Allah; penelitian dan penilikan terhadap sifat-sifat

khusus manusia; sekalian para rasul membuktikan kewujudan dan keesaan Allah; kehendak penciptaan atau kehendak kosmik; Allah diketahui wujud esa secara pasti (*idtirar*); Allah Maha Kaya tidak memerlukan; Allah Esa tempat bergantung; Allah Awal, Agung dan Alim; Allah tempat bergantung Yang Esa; tiada had dan penghujung bagi Asmaul Husna; pendefinisian Allah terhadap hamba-Nya dengan taufik dan hidayah; penyucian Tuhan daripada penjelmaan dan penyamaan; keimanan dengan janji baik dan buruk; keimanan dengan keadilan; celaan terhadap al-Hashwiyyah; penafian keterpaksaan dan pensabitan ikhtiar; nasihat Imam bagi anaknya dengan takwa dan amal salih; yakin dengan Allah dan berdampingan dengan ahli taat; keimanan mulhid dengan Allah; tokoh-tokoh hikmah beriman dengan Allah dan memohon kepada-Nya; perakuan mafifatullah secara akliah; hal dan sifat individu tidak mengenali Pencipta; Iblis dan maksiat; kekal di syurga bagi individu taat dan bertakwa; mukmin dan hakikat iman; sifat-sifat mukmin dalam al-Quran; sifat-sifat ahli neraka; kritikan terhadap al-Murji'a; bahagian-bahagian hak; aksiom ilmu pengetahuan; *wala'* dan *barra'*; penyifatan hal orang jahil yang dipaksakan, serta; tuntutan ilmu dan pengetahuan.

Tajuk-tajuk kandungan dalam karya al-Rissi di atas memperlihatkan isu, tema dan permasalahan ateisme yang turut sama diwacanakan dalam kalangan ilmuwan kalam. Contoh lain, wacana ateisme dalam karya kategori keempat iaitu *al-Milal wa al-Nihal* karya al-Shahrastani (n.d. 651-654). Kelompok ateis direkodkan al-Shahrastani sebagai *Mu'attilah al-'Arab* atau Dahriyun kerana kepercayaan bahawa segala kejadian di alam ini bukan kembali kepada Pencipta tetapi disandarkan kepada *al-dahr* atau peredaran zaman sebagaimana isyarat dalam surah *al-Jathiyah* 45: 24 yang menyatakan: "*Tiadalah hidup yang lain selain daripada hidup kita di dunia ini. Kita mati dan kita hidup (silih berganti); dan tiadalah yang membinasakan kita melainkan edaran zaman.*" Kelompok Dahriyun terbahagi kepada: pertama mengatakan bahawa Khaliq menciptakan cakerawala yang bergerak dengan gerakan yang sangat kuat sehingga menyebabkannya terbakar tanpa mampu dikawal serta dihentikan gerakannya. Kedua mengatakan bahawa perkara-perkara yang wujud tiada baginya permulaan sama sekali akan tetapi kewujudannya daripada sesuatu yang bersifat potensi (*al-quwwah*) kepada sesuatu yang bersifat realiti (*al-fi'l*). Asas keyakinan kedua kumpulan ini sama sahaja iaitu yang menghidupkan adalah tabiat semula jadi dan yang membinasakan adalah peredaran zaman.

Umumnya, wacana ateisme dalam kalangan Ilmuwan Kalam Ahli Sunah Waljamaah (Al-Asha'irah dan al-Maturidiyyah) tidak dibincangkan secara khusus kecuali wujud karya kategori pertama atau wujud subtajuk seumpama *al-radd 'ala munkiri Sani' Hakim 'Alim* (kritikan terhadap pengingkar Pencipta Hakim Alim), *al-radd 'ala al-taba'iyyah* (kritikan terhadap naturalisme), *bayan fasad aqawil al-dahriyyah* (penjelasan fasad dakwaan dahriah) (Lihat: Al-Maturidi 2001: 123, 184, 209). Kebanyakannya diwacanakan secara tidak langsung dalam perbincangan tauhid tanpa dikhususkan tajuk ateisme atau seumpamanya. Tajuk-tajuknya seperti baharu alam, wujud Pencipta dan keesaan Pencipta dengan perinciannya yang tersendiri menurut setiap ilmuwan.

### Isu dan Sanggahan terhadap Ateisme

Al-Quran sebagai sumber utama umat Islam menjadi rujukan dalam kajian teologi, agama, ideologi atau pemikiran sama ada dengan pendekatan diskusi, dialog dan debat. Satu ayat sahaja iaitu *al-Hajj* 22: 17 mendedahkan enam jenis kepercayaan dalam kalangan manusia di mana Ibn Qayyim (1407H: 36-37) mengungkapkan bahawa anutan penduduk dunia tidak terkeluar daripada lingkungan agama-agama yang dinyatakan. Tujuan utama wacana al-Quran terhadap teologi dan ideologi adalah dakwah yang bertujuan mengembalikan manusia kepada tauhid dan kemuncaknya penegasan bahawa Islam satu-satunya agama yang diredai Allah (*Ali 'Imran* 3: 19, 85). Dalam wacana al-Quran terhadap kelompok tidak percayai atau menafikan kewujudan Tuhan dibawakan pemaparan kejadian makhluk melalui bahagian-bahagiannya iaitu alam (kosmologi), manusia (antropologi), tumbuhan (botani) dan haiwan (zoologi) sebagai dalil-dalil kewujudan serta keesaan Allah (Al-Kaylani 1981: 24-82). Pendekatan al-Quran dalam mensabitkan perkara akidah dan menolak sebarang keraguan dengan hujah-hujah meyakinkan merupakan tujuan ilmu kalam. Al-Ghazali (1985: 91-95) menegaskan bahawa al-Quran adalah penghujahan terhadap kepercayaan golongan kafir dan sesat dari awalnya sehingga ke akhirnya.

Justeru, Abu al-Qasim al-Qushayri (d. 465H) mengungkapkan ketakjuban (sangat menghairankan, aneh, ganjil, pelik) individu yang menyatakan di dalam al-Quran tiada Ilmu Kalam (Al-Subki n.d., 3: 421; Ibn 'Asakir 2014: 266). Penjelasan kenyataan al-Qushayri ini boleh difahami dengan penaakulan terhadap penghujahan al-Quran dalam surah *al-Anbiya'* 21: 22 berkaitan keesaan Allah, *al-Baqarah* 2: 23 serta *al-Isra'* 17: 88 berkaitan kenabian dan *Yasin* 36: 79 berkaitan pensabitan hari kebangkitan.

Ilmu kalam adalah mekanisme yang digunakan oleh ilmuwan Ahli Sunah Waljamaah (Al-Asha'irah dan al-Maturidiyyah) dalam mendepani kepelbagaian ideologi, falsafah dan agama. Menurut Salih Musa Sharaf (2020: 14), dua kaedah panduan al-Quran dalam menjayakan debat atau dialog: pertama, lawan mengemukakan hujah di atas dakwaan kemudian dikritik setiap premisnya sebagaimana *al-Naml* 27: 64; kedua, kita menegakkan hujah di atas setiap dakwaan seterusnya dijawab ke atas setiap syubhah sebagaimana *al-Anbiya'* 21: 22. Kedua pendekatan ini menjadi identiti kepada ilmu kalam yang menegakkan atau merutuhkan sesuatu kepercayaan.

### Epistemologi dan Kecelaruhan Fahaman Kelompok Sofis

Sofis, *sophist* atau *al-sufasta'iyyun* ialah orang yang bijak menggunakan hujah menarik dan meyakinkan tetapi palsu dengan tujuan untuk menipu atau memperdayakan seseorang (Kamus Dewan 2007: 1512). Isu atau permasalahan kelompok sofis ialah berkaitan epistemologi atau teori pengetahuan kerana hakikat di sisi mereka adalah sesuatu yang relatif dan tidak mutlak. Kecelaruhan epistemologi kelompok sofis menyebabkan ahli falsafah Greek tersohor ketika itu seperti Socrates (470/469–399 SM), Plato (428/427–348/347 SM) dan Aristotle (384–322 SM) menyusun kaedah-kaedah mantik iaitu ilmu berkaitan dengan prinsip yang membolehkan pemikiran dan penaakulan dibuat secara teratur dan bersistem (Hijazi 1994: 26-43; Kamus Dewan 2007: 951, 997). Al-Taftazani (1987: 14) dan al-Sa'di (2014: 19-39) sewaktu menjelaskan teks *al-'Aqa'id al-Nasafiyah*: "*hakikat segala perkara itu pasti adanya dan pengetahuan akannya dapat disahkan bersalahan dengan kaum sofis*" merumuskan tiga kelompok sofis:

1. *Al-inadiyyah* (degil, keras kepala) iaitu kelompok yang mengingkari hakikat setiap perkara dengan mendakwa ianya hanya khayalan yang batil;
2. *Al-indiyyah* (relativisme) iaitu kelompok yang mengingkari sabit hakikat setiap perkara dengan mendakwa ianya bukan realiti tetapi menurut kepercayaan; dan
3. *Al-la adriyyah* (skeptisisme) kelompok yang mengingkari ilmu pengetahuan sama ada dengan sabit atau tidak hakikat sesuatu bahkan mengesyaki (kurang percaya, kurang yakin, curiga, sangsi, waswas) sesuatu hakikat bahkan terhadap diri sendiri.

Isu epistemologi yang menjadi punca kecelaruhan pemikiran menjadi perhatian ilmuwan kalam Ahli Sunah Waljamaah. Al-Baghdadi (2001: 284-285) dalam *al-Farq bayn al-Firq* sewaktu menjelaskan rukun pertama yang disepakati Ahli Sunah Waljamaah iaitu 'pensabitan hakikat serta pengetahuan secara khusus dan umum' mengeluarkan golongan sofis yang menafikan pengetahuan, menafikan setiap hakikat sesuatu, menganggap setiap hakikat menurut iktikad dan membenarkan sekalian iktikad walau saling bertentangan serta menafikan. Keyakinan begini adalah kufur kerana mengingkari perkara-perkara aksiom (*daruriyyat*). Kelompok dahriyah itu kafir mulhid kerana menyatakan keabadian alam, mengingkari Pencipta dan menganggap batil sekalian agama. Al-Sharastani (n.d., 2: 288-289) menjelaskan dengan lebih detil kecelaruhan agama dan ideologi disebabkan permasalahan epistemologi. Jelasnya, kecelaruhan kelompok sofis kerana tidak meyakini hakikat yang ditanggap atau dicerap deria, pancaindera (*sensible*). Manakala kelompok naturalis (*al-tabi'iyyun*) atau materialis (*al-madiyyun*) kerana tidak meyakini hakikat dengan penilaian logik, munasabah atau maakul (*reasonable*) (Kamus Dewan 2007: 971). Manakala kecelaruhan agama atau ideologi selainnya selepas penerimaan dua penilaian tersebut (i.i. *sensible*, *reasonable*) bergantung kepada penerimaan-penolakkan terhadap peraturan atau undang-undang, syariat atau hukum-hakam dan kerasulan Muhammad s.aw. Agama dan ideologi berasaskan epistemologi atau penerimaan-penolakkan lima asas berkaitan adalah seperti berikut:

Agama dan Ideologi	Jadual III Epistemologi dan Kelompok Agama serta Ideologi				
	المحسوس <i>sensible</i>	المعقول <i>reasonable, maakul</i>	الحدود والأحكام peraturan	الشريعة syariat	محمد Muhammad Rasulullah
Sofis	x	x			
<i>Al-Ṭabi'iyah</i> , naturalis	✓	x			
<i>Al-Faylasuf al-Dahriyyah</i> , ahli falsafah dahriah	✓	✓	x		
Al-Sa'biah, <i>Sabians</i>	✓	✓	✓	x	
Yahudi & Kristian	✓	✓	✓	✓	x
Muslim	✓	✓	✓	✓	✓

Epistemologi atau *nazariyyah al-ma'rifah* iaitu teori tentang pengetahuan atau kajian kritis tentang kesahihan, kaedah dan skop sesuatu pengetahuan menjadi keutamaan di peringkat awal dalam pengajian akidah di sisi ilmuwan Kalam. Karya-karya Kalam seperti al-Bayḍawī (d.685H), *Ṭawali' al-Anwar min Maṭali' al-Anzār* (1991: 65-69), al-Ijī (d.756), *al-Mawaqifi 'Ilm al-Kalam* (n.d.: 21-34) dan al-Taftazani (d.791H), *Tahzib al-Mantiq wa al-Kalam* (2017: 221-224) membincangkan hukum *al-nazar* iaitu proses penilikan, penaakulan, penelitian atau pengkajian ilmiah yang seerti dengan istilah *ta'ammul*, *tafkir*, *fahs* dan *tadqiq* sebagai kaedah mendapatkan ilmu pengetahuan. Proses *al-nazar* atau penaakulan yang sah disepakati ilmuwan Kalam memberi faedah ilmu pengetahuan yang diyakini, dianggap memadai sebagai instrumen dalam mengenali Allah SWT dan proses *al-nazar* dalam makrifatullah hukumnya wajib (Sulayman al-Abd 2015: 43-46). Natijah penaakulan yang sah dengan syarat-syaratnya menatijahkan keyakinan yang teguh jitu (*al-i'tiqad al-jazim*) bukan pada peringkat zan (75%), syak (50%) dan waham (25%) (Lihat: al-Mahalli 1996: Fawdah 2014: 62; 39).

Metodologi penghujahan dan pendalilan dalam ilmu kalam berasaskan kepada dalil-dalil akliah dengan dokongan dalil-dalil naqliah. Dalil-dalil akliah dikemukakan secara dominan kerana ianya meyakinkan kepada semua manusia tanpa mengira bangsa dan agama (Salih Musa Sharaf 2020: 13-14). Topik hukum adat, akal dan syarak menjadi pengantar dalam pengajian akidah di sisi ilmuwan kalam. Melalui hukum akal, taakulan akal yang tiga iaitu wajib, mustahil dan harus dengan konsep *fa'lam annahu la ilaha illa Allah* (Muhammad 49: 19) iaitu kerangka kaedah penafian kekurangan (*nafy al-naqa'is*) dan pensabitan kesempurnaan (*ithbat al-kamalat*) merumuskan 50 perkara yang wajib diketahui dalam perkara ketuhanan (*al-ilahiyyat*) iaitu 20 perkara wajib, 20 mustahil dan 1 harus serta 9 perkara kenabian (*al-Nubuwwat*) iaitu 4 perkara wajib, 4 mustahil dan 1 harus (Al-Sanusi 2013: 52-55). Isu epistemologi menjadi keutamaan di sisi ilmuwan Kalam kerana wajib mengetahui perkara agama berasaskan dalil sehinggakan karya terawal imam Ahli Sunah Waljamaah, Abu Mansur al-Maturidi (2001: 65-76), *Kitab al-Tawhid* lengkap membicarakan perkara berkaitan ilmu pengetahuan dengan perolehannya melalui *al-'iyan* (pancaindera), *al-akhbar* (pengkhabaran) dan *al-nazar* (penelitian ilmiah).

### Kewujudan Allah dengan Sifat Maha Lain

Keyakinan wujud Pencipta, *al-Sani'* atau *al-Khaliq* adalah secara fitrah dan tabii yang diperolehi pengetahuannya dengan daya intuisi (*badihi*) dan termasuk dalam perkara aksiom (*daruri*) (*Al-A'raf* 7: 172; *al-Rum* 30: 30). Al-Quran mengisahkan keadaan manusia yang ditimpa kesusahan akan kembali merayu kepada Allah dan apabila kesusahan itu dihapuskan maka dia kembali dengan cara lamanya seolah-olah dia tidak pernah merayu memohon dihapuskan sebarang kesusahan (*Yunus* 22: 12). Selain itu, digambarkan apabila di lautan manusia berada dalam angin ribut kencang, ombak datang menghentam di segala penjuru dan diliputi bahaya maka pada saat itu dia berdoa dengan mengikhhlaskan kepercayaan kepada Allah semata-mata sambil merayu: "Demi sesungguhnya! Jika Engkau (Ya Allah) selamatkan kami dari bahaya ini, kami tetap menjadi orang-orang yang bersyukur." (*Yunus* 22: 12). Kemudian, apabila diselamatkan sebahagian sahaja manusia yang bersikap adil, bersyukur dan mengesakan-Nya (*Luqman* 31: 32) namun kebanyakannya mensyirikkan Tuhannya (*Al-'Ankabut* 29: 65). Ibn Kathir (2000: 100) sewaktu



mentafsir ayat 20-21 surah *al-Baqarah* menukulkan pendalilan seorang nomad (*al-a'rab*) apabila ditanyakan dalil berkaitan kewujudan Tuhan katanya: “*Subhanallah (i.i. Maha Suci Allah)! Sesungguhnya kesan unta menunjukkan wujudnya unta dan kesan perjalanan (tapak) menunjukkan seorang yang berjalan. Langit itu memiliki bintang-bintang, bumi memiliki gunung-ganang dan lautan mempunyai ombak-ombak. Tidakkah perkara (kesan-kesan atau tanda-tanda) tersebut menunjukkan Tuhan Yang Maha Latif dan Maha Mengetahui?*”. Sesungguhnya pada kejadian alam adalah dalil-dalil kewujudan serta keesaan Allah. Dalam *al-Naml* 27: 60-64, setelah memperlihatkan segala ciptaan dan makhluk-Nya, Allah mempersoalkan sebanyak lima kali: “*Adakah sebarang tuhan yang lain bersama-sama Allah? (Tidak!)*”.

Berdasarkan metodologi Ilmu Kalam, topik *al-umur al-kulliyah al-'ammah* (i.i. perkara am universal) iaitu *wujud* (ada), *'adam* (tiada), *hal* (perihal), *amr i'tibari* (perkara iktibar), *wajib* (wajib), *imkan* (mungkin), *qidam* (i.i. tiada permulaan dan tiada pengakhirannya), *huduth* (baharu), *wahdah* (satu), *kathrah* (banyak) dan *'illah* (sebab) menjadi pengantar dalam dalil kewujudan Allah SWT dengan penjelasan awal berkaitan kedudukan makluk serta sifat-sifatnya (Sulayman al-Abd 2015: 49-71). Alam yang meliputi bumi, langit, manusia, haiwan, tumbuhan, gunung, lautan, angin, hujan, matahari, bulan, bintang atau malam serta siang kedudukannya tiada kepada ada dan berubah-ubah. Tiada kepada ada membuktikan alam adalah makluk (i.i. diciptakan) dan alam berubah-ubah membuktikan kebaharuan alam. Selain kedudukan makhluk daripada tiada kepada ada, mustahil menciptakan diri sendiri dan wujud perkara tidak mampu diciptakan menguatkan penghujahan bahawa selain daripada Pencipta, Khaliq atau Tuhan adalah makhluk yang diciptakan (Ibn Juzay 2015: 25-34, 36-38). Dengan itu lahir premis dan natijah: “*alam berubah-ubah dan setiap yang berubah-ubah baharu maka alam baharu.*”.

Kewujudan Allah dijelaskan dengan konsep ‘Yang Maha Lain’ berdasarkan pemahaman tiada sesuatu yang sebanding dengan Zat-Nya, sifat-Nya dan perbuatan-Nya (*Al-Shura* 42: 11; al-Bayjuri 2014: 114). Tuhan itu Maha Lain dan sama sekali tidak bersifat atau disifatkan dengan sifat-sifat makhluk. Dalam pendekatan ilmu kalam, konsep *al-Maqulat al-Ashr, ten categories* atau 10 kata-kata universal tertinggi menjadi kerangka dalam menjelaskan makhluk yang terdiri daripada entiti (*jawhar*, jirim, jisim,) dengan sifat-sifat kewujudannya (*'arad*). Kewujudan makhluk hakikatnya adalah [1] *jawhar* (*substance*), contoh: ‘seorang lelaki’ yang bersifat dengan *'arad* yang 9 iaitu: [2] *al-kam* (*quantity*), contoh: ‘tiga meter’; [3] *al-kayf* (*quality*), contoh: ‘putih’; [4] *al-idafah* (*relation*), contoh: ‘setengah’; [5] *al-ayn* (*place*), contoh: ‘pasar’; [6] *mata* (*time*), contoh: ‘semalam’; [7] *al-waq'* (*posture*), contoh: ‘seorang yang berdiri’; [8] *al-milk* (*having*), contoh: ‘pemilik pedang’; [9] *al-fi'l* (*action*), contoh: ‘memotong’; [10] *al-infi'al* (*being affected*), contoh: ‘yang dipotong’ (Fawdah 2013; Al-Shanqiti 2014). Al-Baqillani (2016: 36-41) menjelaskan *jawhar* sebagai entiti yang menerima satu dari jenis-jenis *'arad* yang sifatnya tidak berkekalan dan baharu yang memerlukan kepada Pembaharu atau Pencipta. Sifat ‘Maha Lain’ Allah hakikatnya dijelaskan melalui surah *al-Ikhlash* 112 disebabkan soalan musyrikin yang meminta Rasulullah SAW menjelaskan tentang Tuhan. Surah ini menafikan empat faham kufur terhadap Tuhan iaitu ayat pertama penafian banyak dan berbilang (*al-kathrah wa al-'adad*), kedua penafian sikit dan kekurangan (*al-qillah wa al-naqs*), ketiga penafian sebab dan musabab (*al-'illah wa ma'luliyah*) dan keempat penafian penyamaan dan bandingan (*al-shabih wa al-nazir*) (Al-Bayjuri 2014: 118).

Allah adalah Zat Wajib Wujud kerana tidak menerima ketiadaan (*'adam*) dan sekalian makhluk adalah mungkin wujud (*Al-Tur* 52: 35-36; *al-Waqi'ah* 56: 57-59). Kewujudan makhluk tidak akan berlaku tanpa ada Pencipta berdasarkan huraian kaedah pendalilan *butlan al-rajhan bidun murajjih* (batal pengesahan tanpa Pengesah). Kewujudan buah sebagai contoh lazimnya kembali kepada pokok kemudian benih dan tidak akan berpusing-pusing atau berangkai-rangkai kembali kepada buah sebaliknya akan berakhir kepada Pencipta berdasarkan huraian kaedah pendalilan *al-'illah al-gha'iyah* (Sebab Akhir), *butlan al-tasalsul* (batal perangkaian) dan *butlan al-dawr* (batal perputaran) (Sulayman al-Abd 2015: 88-91). Sa'id 'Abd al-Latif Fawdah (2016: 176-180, 224-249, 323-335) dalam karyanya *Al-Adillah al-'Aqliyyah 'ala Wujud Allah* menghimpunkan dalil-dalil kewujudan Allah oleh ilmuwan kalam seperti al-Ash'ari (d.330H), al-Baqillani (d.403H), al-Juwayni (d.478H), al-Ghazali (d.505H), al-Iji (d.756H) dan lain-lain melalui

dalil mungkin dan wajib (*al-imkan wa al-wujub*), dalil kebaharuan (*al-huduth*) serta dalil aturan sempurna (*al-nizam wa al-itqan*).

### Keesaan Zat, Sifat dan Perbuatan Allah

Tauhid atau keesaan dalam konsep ketuhanan menjadi identiti Islam yang membezakannya dengan agama-agama lain. Konsep tauhid dalam Islam tidak hanya diertikan dengan monoteisme (kepercayaan bahawa Tuhan itu hanya satu) sebaliknya ditegaskan sebagai monoteisme mutlak (*absolute monotheism*) dan bukan *monotheism in practice*, *monotheism in theory* serta *speculative monotheism* (Hussain Othman 2009: 55-57). Berdasarkan kerangka pengajian akidah Ahli Sunah Waljamaah (*al-Asha'irah* dan *al-Maturidiyyah*), keesaan Allah atau tauhid itu pada zat, sifat dan perbuatan-Nya (*af'al*) (Al-Ghazali 1983: 49; Ibn Furak 1987: 55; al-Shahrastani n.d.: 85). Ketiga kerangka pemahaman tauhid Ahli Sunah Waljamaah ini penting dalam mendepani kecelaruan fahaman berkaitan ketuhanan. Tauhid pada zat memberi maksud *la qism lah* iaitu zat Tuhan tiada pecahan menyanggah konsep dualisme, trinititi, tritunggal, trimurti atau seumpamanya. Tauhid pada sifat memberi maksud *la shabih lah* iaitu sifat-sifat Tuhan tiada persamaan menyanggah fahaman *al-mujassimah*, *al-mushabbihah* atau antropomorfisme (i.e. kepercayaan bahawa Tuhan bersifat sama seperti manusia dari segi rupa bentuk, perasaan atau kelakuan). Tauhid pada perbuatan memberi maksud *la sharik lah* iaitu perbuatan Tuhan tiada syarik atau sekutu menyanggah dualisme Muktazilah tentang upaya manusia. Ketiga kerangka tauhid ini menjelaskan bahawa Allah itu esa pada zat, sifat dan perbuatan-Nya sekaligus menyanggah tuntutan penggunaan nama 'Allah' merujuk kepada sembah yang lain dan konsep tauhid yang menyatakan orang kafir beriman dengan *al-Rububiyyah* tidak pada *al-Uluhiyyah*.

Berdasarkan metodologi ilmu kalam, pembahagian perkara yang wajib bagi Allah atau Sifat 20 dengan kaedah penafian segala kekurangan (*nafy al-naqa'is*) dan pensabitan segala kesempurnaan (*ithbat al-kamalat*) dikategorikan kepada empat: [1] *al-Nafsiyyah*; [2] *al-Salbiyyah*; [3] *al-Ma'ani*; dan [4] *al-Ma'nawiyah*. Metodologi ini menjelaskan Allah yang bersifat Wajib Wujud (*al-Nafsiyyah*) ketiadaan pada zat-Nya sifat-sifat negatif yang tidak layak bagi Tuhan (*al-Salbiyyah*). Lima sifat *al-Salbiyyah* iaitu Qidam (tiada permulaan dan tiada pengakhiran-Nya), Baqa (tidak berubah, kekal), *Mukhalafatuhu li al-hawadith* (menyalahi yang baharu), *Qiyamuhu Ta'ala bi nafsih* (tidak memerlukan yang lain) dan Wahdaniah (keesaan, ketunggalan). Kelima sifat ini terkandung dalam surah *al-Ikhlash* 112 iaitu ayat pertama mengisyaratkan sifat Wahdaniah, kedua sifat *Qiyamuhu Ta'ala bi nafsih*, ketiga sifat Baqa serta Qidam dan keempat sifat *Mukhalafatuhu li al-hawadith*. Seterusnya, sifat-sifat *al-Ma'ani* dan *al-Ma'nawiyah* adalah *ithbat al-kamalat* iaitu pensabitan kesempurnaan bagi Allah. Kerangka Sifat 20 hakikatnya merupakan metodologi Ahli Sunah Waljamaah yang berupaya mendepani ateisme, animisme, politeisme bahkan monoteisme yang tidak menepati konsep tauhid.

Asas *al-Shahadatayn* (Dua Kalimah Syahadah) menjadi tema utama dalam wacana kepercayaan sama ada dalam kalangan penganut agama (*intrareligion*) atau penganut agama-agama (*interreligions*). Perkara *al-Ilahiyyat* (Ketuhanan), *al-Nubuwwat* (Kenabian) dan *al-Sam'iyat* (Perkara Ghaib) adalah rumusan ilmuwan kalam Ahli Sunah Waljamaah daripada tuntutan ikrar *al-Shahadatayn* (Al-Sanusi 2013: 98). Berdasarkan rumusan definisi ateisme, kecelaruan golongan ateis seperti tidak mempercayai Tuhan, tidak memperakui keesaan Tuhan, tidak memperakui kerasulan Muhammad s.a.w. dan tidak mempercayai hari akhirat dapat didepani dengan kefahaman yang baik terhadap perkara *al-Ilahiyyat*, *al-Nubuwwat* dan *al-Sam'iyat*. Kecelaruan dalam persoalan tauhid dan isu-isu ketuhanan khususnya dapat didepani dengan kefahaman terhadap perkara *al-Ilahiyyat* yang meliputi 20 perkara wajib, 20 perkara mustahil dan 1 perkara harus bagi Allah.

Ilmu Kalam hakikatnya adalah mekanisme pemeliharaan kesucian agama Islam daripada sebarang kecelaruan, penyelewengan dan kesesatan khususnya dalam perkara-perkara kepercayaan. Signifikan Ilmu Kalam dapat dilihat melalui maksud, tema, metode dan faedahnya. Maksudnya, mensabitkan akidah Islam dan menolak sebarang keraguan (*ithbat al-'aqa'id wa daf' al-shubah*). Temanya, *al-Shahadatayn* yang mewacanakan perkara *al-Ilahiyyat*, *al-Nubuwwat* dan *al-Sam'iyat*. Metodenya, dalil-dalil akliyah dan naqliyah atau kombinasi keduanya. Faedahnya,

keupayaan daya taakul yang mengeluarkan daripada taklid, hujah-hujah meyakinkan tanpa sebarang keraguan, pemeliharaan kesucian agama Islam daripada penyelewengan, kecelaruan atau kesesatan dan kepercayaan hak yang menatijahkan amalan salih lagi diterima Allah ('Amuh n.d.: 4-5). Taj al-Din al-Subki (d. 2013M) dalam *Tabaqat al-Shafi'iyah* (n.d., 3: 420) mengulas kenyataan yang disandarkan kepada Abu al-Hassan al-Ash'ari bahawa orang awam yang tidak mengetahui ilmu kalam adalah pentaklid dan dianggap tidak beriman dengan ulasan individu tersebut tidak mengenali Pencipta atau makrifatullah dengan dalil-dalil yang dapat memperteguhkan keyakinannya.

### Penghargaan

Setinggi-tinggi penghargaan dirakamkan kepada Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) kerana membiayai penyelidikan Geran Galakan Penyelidik Muda dengan kod GGPM-2019-058.

### References

#### *Al-Quran.*

- Al-Ash'ari, Abu al-Hassan 'Ali bin Isma'il. 1999M/1419H. *Maqalat al-Islamiyyin wa Ikhilaf al-Musalliyyin*. Muhammad Mahy al-Din 'Abd al-Hamid (ed.). Vol. 1-2. Beirut: Al-Maktabah al-'Asriyyah.
- 'Amuh, Muhammad Ahmad Muhammad. n.d. *Al-Jawab al-Tam 'an Hukm Ta'allum 'Ilm al-Kalam*. Yemen: Al-Hay'ah al-'Ilmiyyah bi Ribat Abi Bakr al-Siddiq li al-'Ulum al-Shar'iyah.
- Al-Baghdadi, 'Abd al-Qahir bin Tahir. 2001M/1421H. *Al-Farq Bayn al-Firaq*. Ibrahim Ramadan (ed.). Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Al-Baqillani, Abu Bakr Muhammad bin al-Tayyib. 2016M/1437H. *Tamhid al-Awa'il wa Talkhis al-Dala'il*. Beirut: Mu'assasah al-Kutub al-Thaqafiyyah.
- Al-Baydawi, 'Abd Allah bin 'Umar. 1991. *Tawali' al-Anwar min Ma'tali' al-Anzar*. 'Abbas Sulayman (ed.). Cairo: Al-Maktabah al-Azhariyyah li al-Turath.
- Fawdah, Sa'id 'Abd al-Latif. 2013M/1434H. *Kifayat al-Sa'i fi Fahm Maqulat al-Suja'i*. Amman: Dar al-Nur al-Mubin li al-Dirasat wa al-Nashr.
- Fawdah, Sa'id 'Abd al-Latif. 2014. *Hashiyah 'ala Sharh al-Mahalli 'ala al-Waraqat*. Amman: Dar al-Nur al-Mubin li al-Nashr wa al-Tawzi'.
- Fawdah, Sa'id 'Abd al-Latif. 2016M/1437H. *Al-Adillah al-'Aqliyyah 'ala Wujud Allah*. Cairo: Al-Aslayn.
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad. 1983M/1403H. *Al-Iqtisad fi al-'Itiqad*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad. 1985M/1404H. *Qawa'id al-'Aqa'id*. Musa Muhammad 'Ali (ed.). Beirut: 'Alam al-Kutub.
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad. 1990M/1411H. *Jawahir al-Qur'an*. Al-Qabbani, Muhammad Rashid Riqa (ed.). 3rd ed. Beirut: Dar Ihya' al-'Ulum.
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad. 2015M/1436H. *Al-Munqidh min al-Dalal wa al-Mafsih bi al-Ahwal*. Beirut: Dar al-Minhaj.
- Hijazi, 'Iwad Allah Jad. 1994M/1415H. *Al-Murshid al-Salim fi al-Mantiq al-Hadith wa al-Qadim*. Cairo: Dar al-Huda li al-Taba'ah.
- Hussain Othman. 2009. *Wacana Asasi Agama dan Sains*. Batu Pahat: Penerbit Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).
- Ibn 'Asakir, Abu al-Qasim 'Ali bin al-Hassan bin Hibbah Allah al-Dimashqi. 2014M/1435H. *Tabyin Kazb al-Muftari fima Nusiba ila al-Imam Abi al-Hassan al-Ash'ari*. Muhammad Zahid al-Kawthari (ed.). Cairo: Al-Maktabah al-Azhariyyah li al-Turath.
- Ibn Furak, Abu Bakr Muhammad bin al-Hassan. 1987. *Mujarrad Maqalat al-Shaykh Abi al-Hassan al-Ash'ari*. Daniyal Jimarih (ed.). Beirut: Dar al-Mashriq.
- Ibn Juzay, Muhammad bin Ahmad bin Muhammad. 2015M/1436H. *Al-Nur al-Mubin fi Qawa'id 'Aqa'id al-Din*. Tunisia: Dar Ibn 'Arafah.

- Ibn Kathir, Abu al-Fida' Isma'il bin 'Umar. 2000M/1420H. *Tafsir al-Qur'an al-'Azim*. Beirut-Lebanon: Dar Ibn Hazm.
- Ibn Khaldun, Waliyy al-Din 'Abd al-Rahman bin Muhammad. 2004M/1425H. *Muqaddimah Ibn Khaldun*. 'Abd Allah Muhammad al-Darwish (ed.). Damascus: Dar Ya'rab.
- Ibn al-Nadim, Abu al-Farj Muhammad bin Ishaq. 2009M/1430H. *Al-Fihrist*. Ayman Fu'ad Sayyid (ed.). Vol. 1 & 2. London: Mu'assasah al-Furqan li al-Turath al-Islami.
- Ibn Qayyim al-Jawziyyah, Muhammad bin Abu Bakr bin Ayyub bin Sa'd ibn Jariz al-Zura'i al-Dimashqi al-Hanbali. 1407H. *Hadayah al-Hayara fi Ajwibah al-Yahud wa al-Nasara*. Ahmad Hijazi al-Siqa (ed.). Cairo: Al-Maktabah al-Qayyimah.
- Ibn Taymiyyah, Ahmad bin 'Abd al-Halim bin 'Abd al-Salam. 2006. *Dar' al-Ta'arud al-'Aql wa al-Naql aw Muqafaqah Sahih al-Manqul li Sarih al-Ma'qul*. Al-Sayyid Muhammad al-Sayyid & Sayyid Ibrahim Sadiq (ed.). Vol. 1-6. Cairo: Dar al-Hadith.
- Al-Iji, 'Adud al-Din 'Abd al-Rahman bin Ahmad. n.d. *Al-Mawaqif fi 'Ilm al-Kalam*. Beirut: 'Alam al-Kutub.
- Al-Jurjani, al-Sayyid al-Sharif 'Ali bin Muhammad. 1998M/1419H. *Sharh al-Mawaqif wa ma'ahu Hashiyyata al-Sayalakuti wa al-Jalabi 'ala Sharh al-Mawaqif*. Vol. 1-8. Beirut: al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Kamus Dewan*. 2007. 4th ed. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al-Kaylani, Ibrahim Zayd. 1981H/1401H. *Tasawwur al-Uluhiyyah Kama Ta'arraḍah Surat al-An'am*. Amman: Maktabah al-Aqsa.
- Khalif Muammar. 2018. Islam dan liberalisme: antara masalah dan mafsadah. *Afkar*. 20(2): 1-52.
- Al-Mahalli, Jalal al-Din Muhammad bin Ahmad. 1996M/1417H. *Sharh al-Waraqat fi 'Ilm Usul al-Fiqh*. 'Abd al-Mun'im Ibrahim (ed.). Riyadh: Maktabah Nizar Mustafa al-Baz.
- Al-Maturidi, Abu Mansur Muhammad bin Muhammad bin Mahmud. 2001M/1422H. *Kitab al-Tawhid*. Bakr Ṭubal Ughli & Muhammad Arushi (ed.). Beirut-Istanbul: Dar al-Sadir-Maktabah al-Irshad.
- Al-Mu'jam al-Asasi al-'Arabi*. 2003. Tunisia: Al-Munazzamah al-'Arabiyyah li al-Tarbiyyah wa al-Thaqafah wa al-'Ulum.
- Al-Rissi, al-Qasim bin Ibrahim. 2000a. *Al-Radd 'ala al-Rafiḍah*. Imam Hanafi 'Abd Allah (ed.). Cairo: Dar al-Afaq al-'Arabiyyah.
- Al-Rissi, al-Qasim bin Ibrahim. 2000b. *Al-Radd 'ala al-Nasara*. Imam Hanafi 'Abd Allah (ed.). Cairo: Dar al-Afaq al-'Arabiyyah.
- Al-Rissi, al-Qasim bin Ibrahim. 2000c. *Al-Dalil al-Kabir fi al-Radd 'ala al-Zanadiqah wa al-Mulhidin & al-Radd 'ala al-Mulhid wa Munazaratih*. Imam Hanafi 'Abd Allah (ed.). Cairo: Dar al-Afaq al-'Arabiyyah.
- Salih Musa Sharaf. 2020M/1441H. *Muzakirat fi al-Manṭiq 'ala al-Sullam al-Munawraq*. Cairo: al-Hukama' li al-Nashr.
- Al-Sanusi, Abu 'Abd Allah Muhammad bin Yusuf. 2013M/1434H. *Rasa'il al-Imam Abi 'Abd Allah Muhammad bin Yusuf al-Sanusi fi 'Ilm al-'Aqidah 'ala Manhaj al-Asha'irah*. 'Abd al-Karim Qabul (ed.). Morocco: Dar al-Rashad al-Hadithah.
- Al-Shahrastani, Muhammad bin 'Abd al-Karim. n.d. *Al-Milal wa al-Nihal*. Vol. 1-3. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Shanqiti, Muhammad Mahfuz bin al-Shaykh bin Fahf. 2014M/1435H. *Sharh al-Maqulat al-'Ashr*. Cairo: Dar al-Salih.
- Al-Subki, Taj al-Din Abi Nasr 'Abd al-Wahhab bin 'Ali bin 'Abd al-Kafi. n.d. *Ṭabaqat al-Shafi'iyyah al-Kubra*. 'Abd al-Fattah Muhammad al-Halw & Mahmud Muhammad al-Ṭanahi (ed.). Vol. 1-10. Cairo: Faysal Isa al-Babi al-Halabi.
- Sulayman al-Abd. 2015. *Yani' al-Azhar Mukhtasar Ṭawali' al-Anwar*. Ahmad al-Shadhuli (ed.). Cairo: Dar al-Ruwaq al-Azhari.
- Al-Taftazani, Sa'd al-Din Ma'ud bin 'Umar bin 'Abd Allah. 1987M/1407H. *Sharh al-'Aqa'id al-Nasafiyyah*. Ahmad Hijazi al-Siqa (ed.). Cairo: Maktabah al-Kulliyat al-Azhariyyah.
- Al-Taftazani, Sa'd al-Din Ma'ud bin 'Umar bin 'Abd Allah. 1998M/1419H. *Sharh al-Maqasid*. 'Abd al-Rahman 'Umayrah (ed.). Vol. 1-5. Beirut. Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

- Al-Taftazani, Sa'd al-Din. 2017M/1438H. *Tahzib al-Mantiq wa al-Kalam*. Kuwait-Morocco: Dar al-Diya'-Dar al-Rashad al-Hadithah.
- The Cambridge Dictionary of Philosophy*. 2015. 3rd ed. New York: Cambridge University Press.
- The Oxford Dictionary of Current English*. 1993. Oxford: Oxford University Press.
- The Oxford English Dictionary*. 1989. 2nd ed. Vol. 1. Oxford: Clarendon Press.
- Wan Haslan Khairuddin. 2018. Tema dan metode kritikan Rahmatullah al-Kayranawi terhadap Bible berdasarkan kitab Izhar al-Haq. PhD thesis. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Wan Haslan Khairuddin, Indriaty Ismail & Abdull Rahman Mahmood. 2020. Ilmu kajian agama-agama dalam tradisi Islam. *Akademika* 90(2): 139-148.
- Wan Haslan Khairuddin. 2022. Kerangka kajian ajaran sesat menurut Ahli Sunah Waljamaah. *Journal Of Ifta And Islamic Heritage* 1(1): 120-149.
- Warfield, Benjamin B. 1908. Atheism. In. *The New Schaff-Herzog Encyclopedia of Religious Knowledge*. Vol. 1. New York & London: Funk and Wagnalls Company.